

03 NOV 2001

Mahathir-CF

SEGERAKAN PENGELUARAN CF UNTUK RUMAH DI PUTRAJAYA, KATA PM

PUTRAJAYA, 3 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan pihak-pihak yang bertanggungjawab supaya mempercepatkan pengeluaran Sijil Layak Diduduki (CF) untuk rumah-rumah di Putrajaya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu melihat kelemahan birokrasi menghalang pengeluaran CF berkenaan kerana proses itu adalah perkara yang biasa.

"Kita tahu di sini terdapat beribu-ribu rumah dibina, kalau nak periksa tiap-tiap satu rumah ia akan memakan masa, jadi macam 'high rise' (bangunan tinggi) ia ambil 'random sample' (contoh secara rambang) saja," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri acara Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Wetland di sini.

Hadir sama ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata beliau mendapat tahu mengenai masalah CF apabila bertanya kepada pengiringnya kenapa beliau belum berpindah ke Putrajaya sedangkan telah membeli rumah di sini agak lama juga.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan acara itu, Dr Mahathir melahirkan rasa hairan mengapa Putrajaya tidak mempunyai ramai penduduk sedangkan beribu-ribu rumah sudah dibina.

"Saya tanya kenapa tak ada (penduduk)... kononnya tak dapat Cf lagi. Ini pegawai kerajaan sendiri, bagi sijil sendirilah, apa yang lambat-lambat sangat," katanya dan disambut dengan gelak ketawa.

Dr Mahathir berkata beliau berasa sunyi tinggal di Putrajaya setelah menjadi penghuni di bandar pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan ini agak lama daripada kebanyakan orang lain.

"Satu-satunya orang yang datang terdahulu daripada saya ialah bekas KSN (Ketua Setiausaha Negara) Tan Sri Abdul Halim Ali.

"Lepas Tan Sri Halim, sayalah penghuni kedua di Putrajaya ini. Saya ingin sangatlah hendak melihat Putrajaya ini ramai penduduk," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau juga dimaklumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa pengundi di Putrajaya sekarang hanya berjumlah 28 orang sedangkan ia akan menjadi sebuah kawasan pilihan raya.

Secara berseloroh, beliau berkata Pengerusi SPR Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman telah memberitahunya bahawa keadaan itu baik juga kerana bila SPR mempamerkan senarai pengundi, tidak banyak orang akan membuat bantahan.

"Jadi saya harap lebih ramai akan pindah dan hilangkan suasana sunyi dan sepi di Putrajaya ini dan dengan itu kita boleh adakan bukan sahaja Hari Keluarga tetapi kita juga boleh menziarahi antara satu sama lain dan merapatkan hubungan sesama kita," katanya.

Perdana Menteri berkata penduduk di Putrajaya mempunyai peluang baik untuk berinteraksi sesama sendiri kerana tidak banyak negara mempunyai sebuah bandar pentadbiran sepertinya.

Mengenai acara Hari Keluarga JPM, Dr Mahathir berharap ia dapat memberikan peluang kepada seluruh warga JPM merapatkan hubungan sesama sendiri.

"Kita harus ada semangat berpasukan dalam segala yang kita uruskan dan adalah amat baik bagi kita untuk berkenalan sesama kita," katanya.

-- BERNAMA

AFY HS NMO